

0764

U B647 AAB
MAHATHIR - TAKRAW

KUALA LUMPUR, 26 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SEPAK TAKRAW MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR UNTUK DIPERKENAL DAN DIPERLUASKAN KE NEGARA YANG MASIH BELUM MENGENALI PERMAINAN ITU.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW MAS - UTUSAN MALAYSIA

- RTM 1986, BELIAU BERKATA, SEMENJAK KEJOHANAN ITU DIPOPULARKAN OLEH MAS - UTUSAN MALAYSIA TAHUN LEPAS DAN DISERTAI PULA OLEH RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) TAHUN INI, POPULARITI PERMAINAN ITU SEMAKIN MELUAS.

+INI KERANA PENGANJUR-PENGANJUR KEJOHANAN ITU BUKAN SAHAJA MERUPAKAN BADAN-BADAN YANG BERKEMAMPUAN MENGHIDUPKAN KEMBALI PERMAINAN ITU TETAPI JUGA DAPAT MENDEDAHKAN PERMAINAN ITU KE PERINGKAT ANTARABANGSA,+ KATANYA.

BELIAU PERCAYA USAHA PIHAK PENGANJUR UNTUK MEMAJUKAN PERMAINAN ITU AKAN MENDAPAT PENGHARGAAN DAN SAMBUTAN DARIPADA ORANG RAMAI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DALAM PERUTUSANNYA PULA BERHARAP KEJOHANAN ITU AKAN DAPAT MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU DAN MEMPERERATKAN LAGI PERHUBUNGAN ANTARA PEMAIN-PEMAIN DAN PASUKAN-PASUKAN YANG MEREKA WAKILI. -- LAGI.

1601MST 26 08 86

0766

U B648 AAB
MAHATHIR - TAKRAW 2 KUALA LUMPUR

+OLEH KERANA KEJOHANAN INI DISERTAI OLEH NEGARA-NEGARA RAKAN DAN SIRI, SAYA BERHARAP KEJOHANNAN INI JUGA AKAN DAPAT MEMPERERATKAN LAGI PERHUBUNGAN RAPAT KITA DENGAN MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP SELURUH KEJOHANAN ITU AKAN BERLANGUNG DALAM PERSAINGAN YANG SIHAT SERTA SEMANGAT KESUKANAN YANG SEBENAR.

SERAMAI 274 ORANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEJOHANAN ITU TERMASUK 36 PEMAIN DARI THAILAND, SINGAPURA, INDONESIA, FILIPINA, BRUNEI DARUSSALAM, INDIA, SRI LANKA DAN MALAYSIA YANG AKAN BERTANDING PADA PERINGKAT REGU JEMPUTAN ANTARABANGSA.

DUA LAGI PERTANDINGAN IALAH BAHAGIAN REGU TERBUKA KEBANGSAAN DAN REGU BELIA BAWAH 21 TAHUN.

KEJOHANAN SELAMA EMPAT HARI YANG BERMULA PADA 4 SEPT. AKAN DIADAKAN DI STADIUM NEGARA DI SINI. -- BERNAMA.

1604MST 26 08 86